

Dua telefon 3G hadiah perkahwinan PM

UM - 13/6/2007

BANGI 12 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyampaikan ucapan pada Muzakarah Imam-Imam Peringkat Kebangsaan 2007 di sini hari ini sempat berkongsi kegembiraannya sebagai pengantin baru.

Perdana Menteri ketika berucap mengenai perlunya para imam menguasai teknologi Internet dan komunikasi memberitahu, beliau telah menerima dua telefon bimbit generasi ketiga (3G) sebagai hadiah perkahwinan.

Katanya, telefon yang membolehkan pengguna berkomunikasi sambil melihat wajah orang yang dihubungi itu diterima daripada sepupunya.

"Sepupu saya kata, nah ini ada dua telefon, untuk hang satu, satu (lagi) untuk bini hang (Datin Seri Jeanne Abdullah). Sepupu (memang) begitu cara dia (bercakap) dan saya kata buat apa, sudah ada banyak telefon.

"Dia (sepupu) kata, istimewa telefon ini, tapi dia (Jeanne) kena pakai telefon ini juga kerana dengan telefon ini dia boleh tengok muka hang," ujarnya.

Abdullah diijabkabulkan dengan Jeanne di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana, di Putrajaya oleh Imam Masjid Putra, Abdul Manaf Mat, Sabtu lalu.

Beliau menceritakan perkara itu ketika mengaitkannya dengan penggunaan teknologi moden yang selaras dengan firman Allah di dalam al-Quran supaya umat Islam berpegang kepada prinsip taaruf (berkenal-kenalan) antara satu sama lain.

"Saya lepas Maghrib kena pegang al-Quran dan membacanya juga selepas Subuh. Sudah ulang khatam sejak umur 10 tahun.

"Apabila membacanya, saya terfikir tentang anjuran al-Quran mengenai prinsip taaruf kerana ia boleh dikaitkan dengan teknologi Internet bagi membolehkan kita berkenal-kenalan dengan semua orang di seluruh dunia," ujarnya.